

Title : Tunai Hajat Arwah Safwan Miliki Rumah
Media : <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/580727/tunai-hajat-arwah-safwan-miliki-rumah>
Date : 20/05/2020

Tunai hajat arwah Safwan miliki rumah

 Share  Tweet

MyMetro > Mutakhir



Ragunath (kiri) menyampaikan cek berjumlah RM20,000 kepada Suraya disaksikan Mohd Sabri (tengah) di IPD Kajang, hari ini. FOTO Nurul Hidayah Bahaudin.

Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

"BANTUAN disalurkan ini mungkin akan digunakan untuk menunaikan hasrat arwah yang mahu membeli rumah," kata Suraya Muhammad Ismail, 32, kakak kepada anggota polis, Allahyarham Koperal Safwan.

Safwan meninggal dunia selepas dirempuh pacuan empat roda ketika bertugas menjaga sekatan jalan raya berhampiran Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya Kajang-Seremban (Lekas) pada 3 Mei lalu.

Suraya berkata, ahli keluarga hanya menyedari impian Safwan untuk membeli rumah selepas memeriksa pesanan WhatsApp di telefon bimbitnya, baru-baru ini.

Mutakhir

- Deruman enjin F1 kembali berbunyi di Silverstone
- Lelaki Rohingya lolos dari pusat kuarantin
- 'Tak perlu bimbang, bekalan makanan cukup'
- 101 ditahan berhibur di pusat

"Saya ada menghubungi ejen penjual rumah yang dihubunginya dan dimaklumkan Safwan sudah menyediakan penyata gaji namun tidak sempat menyerahkannya disebabkan kesibukan bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Justeru, wang bantuan yang disalurkan kepadanya mungkin akan digunakan untuk menunaikan hasrat Safwan memiliki rumah," katanya ketika ditemui selepas penyerahan sumbangan RM20,000 daripada MCIS Life di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang, hari ini.

Penyampaian cek berkenaan disampaikan Ketua Pegawai Pengedaran dan Pemasaran MCIS Life Ragnath Joe Murthy dengan disaksikan Timbalan Ketua Polis Daerah Kajang Superintendan Mohd Sabri Abdullah.

Suraya berkata, dia terharu dan berterima kasih kepada MCIS Life kerana menyalurkan sumbangan itu.

"Jumlah yang diberikan amat besar buat kami. Sejajurnya kami sekeluarga masih belum membuat keputusan untuk menggunakan wang sumbangan ini untuk apa.

"Namun mungkin sebahagian daripadanya akan digunakan untuk menunaikan impian Safwan," katanya.

Katanya, mereka keluarga masih terasa kehilangan Safwan, namun reda dengan apa yang berlaku.

"Kami masih sedih dan tidak menyangka perkara ini berlaku namun, semua ini adalah kehendak Allah SWT. Kami reda.

"Kadang-kadang kami berasa dia masih ada bertugas seperti biasa di Kajang," katanya.

Pada 3 Mei lalu, Safwan yang juga anak kedua daripada sembilan beradik itu dirempuh seorang pemandu dipercayai mabuk di lokasi berkenaan kira-kira 2 pagi.

Mangsa yang juga bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah IPD Kajang disahkan meninggal dunia di lokasi akibat parah di kepala dan badan selepas dihempap kenderaan itu.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 20 Mei 2020 @ 4:15 PM

- **'Berdiri teguh bersama Muhyiddin'**
- **'Maafkan saya'**
- **Jurupandu pendakian turut terjejas**
- **Kerajaan perlu pertimbang bantu pengusaha tadika, taska**
- **Sevilla, Betis buka gelanggang La Liga**
- **Subaru Forester GT dilancarkan**
- **Penduduk tak perlu bimbang - UPBN**
- **Tiga kanak-kanak maut disengat tebuan di Dungun**
- **Proton lantik Roslan Abdullah bantu jualan dan pemasaran**
- **JBPM Terengganu perlu 11 jentera**
- **Bantulah nenek Insimau**

■ [Lagi Berita](#)

Title : Impian Koperal Safwan Beli Rumah Tidak Kesampaian
Media : <https://www.sinarharian.com.my/article/84377/BERITA/Nasional/Impian-Koperal-Safwan-beli-rumah-tidak-kesampaian>
Date : 20/05/2020

>> BERITA > NASIONAL > Impian Koperal Safwan beli rumah tidak kesampaian

Impian Koperal Safwan beli rumah tidak kesampaian

AHMAD ISMADI ISMAIL || 20 Mei 2020



Suraya (kanan) menerima sumbangan daripada MCIS Life di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang di sini hari ini.

KAJANG – Impian seorang anggota polis, Allahyarham Koperal Safwan Muhammad Ismail untuk membeli rumah tidak kesampaian apabila beliau meninggal dunia dirempuh pacuan empat roda ketika melakukan sekatan jalan raya berhampiran Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya Kajang-Seremban (Lekas) pada 3 Mei lalu.

Kakaknya, Suraya, 32, berkata, dia mengetahui impian adiknya itu setelah memeriksa pesanan WhatsApp di telefon bimbitnya baru-baru ini.

“Saya telah menghubungi ejen penjual rumah tersebut, dia memaklumkan Safwan telah menyediakan penyata gaji.

"Safwan tidak sempat menyerahkannya disebabkan kesibukan bertugas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya kepada media ketika ditemui selepas penyerahan sumbangan RM20,000 daripada syarikat Insuran, MCIS Life kepada keluarga Safwan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang di sini hari ini.

Suraya berkata, dia berasa terharu dan berterima kasih kepada MCIS Life kerana menyalurkan sumbangan tersebut.

"Kami sekeluarga masih belum membuat keputusan untuk menggunakan wang sumbangan itu, mungkin sebahagian daripadanya akan digunakan untuk menunaikan impian Safwan," katanya.

Dia berkata, keluarga masih terasa kehilangan Safwan, namun harus reda dengan apa yang berlaku.

"Kita masih rasa sedih, kami tidak menyangka perkara ini akan berlaku tetapi ini semua kehendak ALLAH," katanya.

Pada 3 Mei lalu, Safwan, 31, yang merupakan anak kedua daripada sembilan beradik dipercayai dilanggar oleh seorang pemandu di bawah pengaruh alkohol kira-kira jam 2 pagi di sekatan jalan raya berhampiran Plaza Tol Kajang Selatan, Lebuhraya Kajang-Seremban (Lekas)

Mangsa yang juga anggota Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian akibat parah di kepala dan badan selepas dihempap kenderaan berkenaan.

ARTIKEL BERKAITAN

Keluarga Koperal Safwan harap pelaku kena hukuman setimpal

Title : TVPPIM MCIS Serah Sumbangan Anggota Trafik Maut
Media : <https://www.youtube.com/watch?v=D7tp2E1mbdY>
Date : 20/05/2020

← → ↻ [youtube.com/watch?v=D7tp2E1mbdY](https://www.youtube.com/watch?v=D7tp2E1mbdY)




Search



TVPPIM | MCIS Serah Sumbangan Anggota Trafik Maut

201 views • May 20, 2020

 13  0  SHARE  SAVE ...



TVPPIM
27.4K subscribers

SUBSCRIBE

Category

People & Blogs